

Utusan Melayu minta maaf

B.H - 7 OCT 1992

Oleh M Thillinadan

KUALA LUMPUR, Selasa — Kumpulan Utusan Melayu hari ini secara terbuka meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris.

Akhbar Kumpulan Utusan Melayu dalam ruangan muka depannya mengaku wartawan mereka di Jakarta dengan tidak sengaja melakukan kesilapan dalam laporan awalnya yang mendakwa Dr Mahathir dalam wawancara dengan stesen televisyen Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI) meminta untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam suratnya kepada Utusan Malaysia pada 19 September lalu, menafikan laporan itu dan menyifatkannya sebagai pembohongan besar.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Sabtu lalu, yang turut membincangkan isu itu, mendapati Dr Mahathir bersetuju untuk ditemuramah dalam bahasa Inggeris atas permintaan wartawan RCTI.

Serentak itu, tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Sapawi Junid dan Datuk Seri Rafidah Aziz, mendesak Utusan Malaysia memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri.

Sementara itu, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, dalam sidang akhbar di sini, hari ini, mengucapkan terima kasih kepada Utusan Malaysia yang mengaku membuat kesilapan dan meminta maaf secara terbuka kepada Dr Ma-

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditemui sekembalinya dari Brunel, berkata beliau puas hati dengan langkah Kumpulan Utusan Melayu meminta maaf secara terbuka kepadanya.

"Saya tidak susah...saya boleh maafkan pada bila-bilamasa," katanya

hathir.

Beliau gembira kerana akhbar itu sudah menyedari kesilapan mereka dan membetulkan kekeliruan yang timbul sejak isu bahasa Inggeris dihebohkan oleh akhbar berkeajaan.

Dalam sidang akhbar itu juga, Mohamed berkata, kerajaan memutuskan iklan bahasa Inggeris dalam siaran televisyen dan radio yang menjadi isu sejak kebelakangan ini diteruskan.

Menurutnya, sebarang perubahan mengenai iklan bahasa Inggeris hanya akan dibuat jika kerajaan menukar dasarnya mengenai penggunaan bahasa itu di radio dan televisyen.

Keputusan kerajaan mengekalkan iklan bahasa Inggeris tidak berarti bahasa rasmi Malaysia, bahasa Melayu diabaikan atau tidak diberi keutamaan.

"RTM juga akan memperkenalkan lebih banyak rancangan bahasa Inggeris dalam radio dan televisyen tidak lama lagi kerana ia sudah diiktiraf sebagai bahasa kedua dan perdagangan.

"Kementerian Penerangan diberi kepercayaan menentukan kefahaman bahasa Inggeris di kalangan rakyat negara ini ditingkatkan dan kami menimbang cara paling baik melaksanakannya," katanya.

Mohamed berkata, tuduhan beberapa pihak bahawa RTM menyiarkan terlalu banyak iklan bahasa Inggeris adalah tidak benar kerana jumlah masa yang diperuntukkan bagi iklan dalam bahasa itu tidak sampai 20 peratus.

Beliau berharap Kumpulan Utusan Melayu yang diberi kontrak menjual iklan bagi semua rangkaian radio RTM, termasuk iklan bahasa Inggeris akan terus melaksanakan kontrak itu.

"Jika Utusan Media Sales (anak syarikat Kumpulan Utusan) tidak memenuhi syarat seperti dalam kontrak yang ditandatangani tahun lalu, Kementerian Penerangan terpaksa mengkaji semula kontrak itu.

"Mengikut kontrak itu, Utusan Media Sales bertanggungjawab sepenuhnya menjual iklan bagi semua rangkaian radio bagi RTM, tidak kira sama ada iklan itu dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris," katanya.

Menurut beliau, kontrak itu bertujuan untuk meningkatkan hasil iklan radio daripada \$5 juta kepada \$30 juta setahun.

Matlamat RTM bagi tahun 2000 ialah menyiarkan 80 peratus rancangan berbentuk tempatan, manakala hanya 20 peratus bagi siaran luar negara.